

BAB 1

2.0 KONSEP PERADABAN

Konsep peradaban adalah sebagai sesuatu terminologi yang bersifat universal telah sering benar dibincangkan oleh para sarjana daripada pelbagai disiplin. Ia merupakan suatu bidang “*multi-disciplinary*” yang memperkatakan berbagai aspek kemajuan yang dicapai oleh manusia samada berbentuk materialisme atau spiritual. Pada umumnya, konsep peradaban ini juga disamakan dengan tamadun atau budaya walaupun definisinya mungkin agak berbeza. Setiap bangsa dan agama di dunia ini mempunyai pandangannya yang tersendiri tentang konsep ini. Pandangan ini pula biasanya adalah berdasarkan ideologi, falsafah serta pandangan semesta mereka. Bagi mendapatkan satu gambaran yang lebih jelas tentang konsep peradaban atau tamadun ini, definisinya secara lebih khusus perlu dilihat.

2.1 DEFINISI PERADABAN

Peradaban berasal daripada kata dasar ‘adab’. Mengikut kamus Dewan, adab bererti tingkah laku serta tutur kata yang halus (sopan), budi bahasa, budi pekerti yang halus. Peradaban pula didefinisikan sebagai “keadaan serta tingkat kemajuan pada kehidupan jasmani dan rohani sesuatu bangsa atau masyarakat”.¹

¹ *Kamus Dewan*, Edisi ketiga, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, hlm. 180.

Daripada definisi yang diberikan, ternyata bahawa konsep peradaban tidak banyak berbeza daripada pengertian tamadun. Umumnya tamadun juga memberi gambaran tentang pencapaian kemajuan sesuatu bangsa pada zaman tertentu dalam berbagai aspek kehidupan samada rohani atau jasmani.

Kamus Dewan mendefinisikan tamadun sebagai kebudayaan, kemajuan, peradaban sesuatu bangsa yang bertamadun bermakna bangsa yang beradab, bersopan santun dan berkemajuan.² Mengikut pandangan Prof. Dr. Osman Bakar, sekurang-kurangnya terdapat tiga idea atau perkara asas dalam konsep tamadun. Ketiga-tiga idea tersebut adalah merupakan :

1. Kehidupan manusia yang telah mencapai taraf kemajuan kemanusiaan yang tinggi. Kemajuan kemanusiaan yang dimaksudkan di sini adalah meliputi kemajuan dan kehalusan pemikiran dalam pelbagai bidang seperti agama, sains dan kesenian, kemajuan kebendaan dan tahap pencapaian dalam organisasi sosial dan politik.
2. Bangsa atau umat yang telah mencapai taraf kemajuan seperti yang dinyatakan di atas dalam sesuatu zaman atau di sesuatu tempat tertentu serta cara hidup atau budayanya.
3. Proses bangsa atau umat yang telah mencapai taraf kemajuan kemanusiaan yang tinggi memperadabkan dirinya atau diperadabkan.

²KuliahDr Osman Bakar, Pensyarah Sains Peradaban, UM 1998.


Dengan definisi serta penjelasan yang telah diberikan dapatlah dirumuskan bahawa konsep peradaban cuba menerangkan tentang beberapa bentuk kemajuan yang dicapai oleh masyarakat manusia pada sesuatu zaman tertentu.

2.2 DEFINISI MENTALITI PULAU

Mentaliti banyak dicorakkan oleh faktor-faktor seperti agama dan sistem kepercayaan, persekitaran hidup, amalan budaya, pengalaman-pengalaman sejarah dan sebagainya. Faktor-faktor ini saling berkaitan dan telah memberikan pengaruhnya yang besar ke atas bagaimana suatu bangsa itu berfikir dan bertindak dalam kehidupan. Seringkali ianya diterjemahkan ke dalam kehidupan menerusi konsep, semangat, prinsip, pegangan dan amalan dalam aspek-aspek sosio-budaya, ekonomi, politik dan sebagainya.

Mentaliti berasal daripada perkataan Latin 'mental' yang bererti minda, kefahaman dan pemikiran. Oleh itu mentaliti dapat diertikan sebagai kuasa mental, cara berfikir atau ciri-ciri keintelektualan. Manakala mentaliti orang Jepun adalah terbentuk berdasarkan faktor geografi, sejarah bangsa serta negaranya. Faktor-faktor ini adalah berkait rapat dan saling mempengaruhi dalam membentuk aspek-aspek pemikiran orang-orang Jepun.³

³ Azhar Hj Mad Aros, *Kuliah Peradaban Jepun*, Pusat Peradaban Universiti Malaya, 1998.



Peta 1.1 Kedudukan negara Jepun dalam peta dunia.

Sumber: <http://www.womanstravel.net/tour.html>

2.3 PERADABAN DARI PANDANGAN BARAT DAN TIMUR

Dalam sejarah perkembangan masyarakat manusia, tidak dapat dinafikan bahawa ia mengalami kemajuan dari satu tahap kepada satu tahap yang lebih tinggi. Para pemikir Perancis pada abad ke 18 misalnya berpendapat bahawa konsep peradaban adalah lawan kepada konsep barbarian.

Masyarakat yang dikatakan berperadaban berbeza dengan masyarakat primitif kerana ia mempunyai tempat tinggal yang tetap, mempunyai bandar dan sistem tulisan. Pandangan ini adalah menjurus kepada idea barat yang sedang berkembang pada ketika itu dengan luas dan berpengaruh. Barat yang sedang mengalami kemajuan dalam bidang politik, ekonomi dan telah berjaya keluar dan membebaskan diri daripada belenggu kemunduran dan kegelapan. Kemajuan berbentuk material yang dicapai itulah yang

dikatakan peradaban oleh mereka. Menurut ahli sosiologi Universiti Harvard, Ezra Vogel dalam bukunya “Japan as Number 1: Lessons for America”, fakta terpenting kejayaan bangsa Jepun ialah terdapatnya satu komitmen yang mendalam terhadap ilmu dan maklumat di setiap lapisan bangsa itu.⁴

Pandangan ahli fikir barat, mempunyai pengaruh yang kuat serta memberi kesan terhadap pemikiran masyarakat timur sendiri. Timur yang dikatakan mempunyai keperibadiannya yang tersendiri turut terikut-ikut dengan kriteria barat dalam menentukan peradaban mereka.⁵

Hal seperti ini tidaklah terlalu menghairankan kerana barat sendiri sebenarnya mempunyai agenda tertentu semasa berusaha untuk mempengaruhi Timur agar dapat mengikut kaedah dan acuan mereka dalam menentukan konsep peradaban. Seringkali juga barat beranggapan bahawa peradaban bahawa peradaban Timur itu adalah satu ancaman baginya memandangkan bahawa Timur mempunyai perspektifnya yang tersendiri dalam melihat konsep ini.⁶ Semasa barat meletakkan materialisme sebagai kriteria utama bagi menentukan pencapaian peradaban, timur pula dilihat sebagai turut mengutamakan unsur-unsur agama dan budaya dalam menentukan bentuk kemajuan yang ingin mereka capai.

Tamadun-tamadun awal yang telah muncul di Timur telah membuktikan hakikat ini. Peradaban China, Mesir atau Indus telah menampilkan satu bentuk kemajuan yang

⁴ Ezra Vogel, *Japan as Number 1: Lessons for America*

⁵Blacker Carmen, *The Japanese Enlightenment*, Cambridge, 1964, hlm. 93.

⁶ Ibid., hlm. 5.

amat tinggi dan setara dalam kedua-dua aspek material dan budaya. Sebahagiannya pula meletakkan agama sebagai idea utama mereka.⁷ Tamadun berasaskan agama ini pula telah berkembang dari satu zaman ke satu zaman sehinggalah kini. P. Huntington telah menyatakan bahawa terdapat sekurang-kurangnya enam tamadun atau peradaban yang berhubung kait dengan agama iaitu :

Barat – Kristian

India – Hinduisme

Asia Tengah – Buddhisme

China – Confucious

Jepun – Shintoisme, Taoisme, Confusianisme, Buddhisme

Asia Barat – Islam

Barat walaupun dikatakan mewakili peradaban Kristian tetapi pada hakikatnya idea agama ini semakin diketepikan terutamanya pada era kontemporari. Malahan, peradaban sosialis-komunis pada abad ke-20 langsung menolak idea agama. Fenomena ini berkait rapat dengan kemunculan falsafah sekularisme pada abad ke-18 yang memisahkan agama sebagai rujukan dalam kehidupan di barat.⁸

Idea ini seterusnya telah mendewa-dewakan materialisme sebagai kemuncak kepada pencapaian peradaban manusia. Oleh itu, tidaklah menghairankan jika barat masa

⁷ Ibid., hlm. 14.

⁸ Ibid., hlm. 20.

kini telah mencapai kemajuan yang amat pesat khususnya dalam bidang materialisme seperti ekonomi, pembangunan, sains dan teknologi dan budaya kebendaan.⁹

Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Huntington, kebanyakan peradaban Timur juga adalah berkaitan dengan agama. Agama adalah sebagai idea utama dan penting telah mempengaruhi skop dan perkembangan peradaban. Agama Hindu misalnya mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap perkembangan peradaban di Lembangan Indus.¹⁰ Malahan, sebahagian besar daripada ciri-ciri budaya masyarakat di Asia Tenggara khususnya di Kepulauan Melayu adalah dipengaruhi oleh agama Hindu. Agama Buddha pula walaupun berasal dari India tetapi telah berkembang pesat ke Asia Timur dan Indo-China. Buddha telah disebar dan diamalkan dengan meluas di China, Jepun, Burma, Indo-China dan Thailand. Berusaha sama dengan ajaran Confucious dan Taoisme, gabungan agama-agama ini telah membentuk satu bentuk peradaban yang unik dan tersendiri di negara-negara berkenaan. Islam pula sepertimana yang tercatat dalam sejarah mempunyai rekod tamadunya yang panjang dan cemerlang.¹¹ Sebelum barat mendominasi peradaban moden kini, Islam terlebih dahulu mencapai tamadun yang tinggi dalam pelbagai aspek kehidupan sejak abad ke-7 sehingga abad ke-13 Masihi. Sebagai agama wahyu yang berpandukan kitab suci al-Quran dan al-Hadis, Islam meletakkan kriteria yang seimbang dalam menentukan pembentukan peradaban. Ini bererti bahawa Islam menekankan soal kemajuan material dan spiritual yang seimbang atau setara antara kebendaan dengan kerohanian.

⁹ Ibid., hlm. 23.

¹⁰ Ibid., hlm. 24.

¹¹ Eiichi Kiyooka (translator), *The Autobiography of Fukuzawa Yukichi*, Tokyo, 1960, hlm. 11.

Latar belakang sejarah dan pengalaman yang berbeza sering dikatakan menjadi faktor menyebabkan barat dan timur saling terpisah. Barat telah melalui satu pengalaman pahit didominasi oleh golongan agama yang telah menyelewengkan doktrin agama mereka. Melalui pengalaman ini, mereka mendapat gambaran negatif tentang kedudukan serta peranan agama. Titik tolak ini telah menjadikan masyarakat di sana semakin jauh daripada agama lalu menjadikan materialisme sebagai matlamat utama kemajuan mereka. Selain itu, perubahan dalam struktur ekonomi juga turut mempengaruhi konsep peradaban barat. Dari masa ke semasa khususnya selepas era Revolusi Industri, barat telah berubah secara drastik daripada ekonomi Agraria kepada ekonomi perindustrian dan perdagangan. Ekonomi perindustrian yang berteraskan fahaman kapitalisme ini telah membawa bersamanya nilai-nilai serta budaya baru yang menghakis budaya tradisional mereka. Kemajuan-kemajuan yang dicapai dengan sokongan sains dan teknologi telah menjadikan masyarakat barat semakin jauh dan terpisah dari akar umbi mereka. Dalam aspek inilah barangkali wujudnya perbezaan di antara barat dan Timur. Sejarah Timur agak berbeza dan mengambil bentuknya yang tersendiri. Pada peringkat awal, pengaruh sesuatu peradaban terhadap peradaban yang lain berlaku dalam lingkungan geografi yang berdekatan. Peradaban China misalnya yang berusia ribuan tahun banyak mempengaruhi kemajuan masyarakat di Korea, Jepun dan Indo-China. Demikian juga dengan peradaban Hindu atau Buddhisme. Ia berkembang dalam ruang lingkup geografi yang tidak mempunyai banyak perbezaan latar belakang sejarah. Dalam keadaan yang begini, ternyata bahawa peradaban berkenaan dapat diserapkan dengan lebih mudah dan berkesan ke dalam masyarakat lain. Pengalaman beragama masyarakat timur juga agak berbeza dengan apa yang dialami di barat.

Kebanyakan tradisi agung yang mempunyai sejarah permulaan di timur mempunyai ciri-ciri yang bersesuaian dengan kehendak masyarakat dan berupaya memenuhi naluri mereka. Islam misalnya yang bermula di Asia Barat adalah agama yang bersumberkan wahyu dan ritual dengan mengutamakan nilai-nilai persamaan, keadilan, harmoni dan keamanan. Nilai-nilai inilah yang telah berupaya mengubah sebahagian besar daripada kehidupan masyarakat Arab di Timur Tengah daripada bangsa nomadik kepada masyarakat bertamadun. Kejayaan tamadun Islam yang cemerlang di Timur Tengah membolehkannya menyebarkan pengaruh ke segenap pelusuk dunia sehingga kini.

Tradisi agung daripada ajaran Buddha dan Konfusius juga didapati telah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peradaban Timur. Di sesetengah negara seperti Jepun, Korea atau Indo-China ajaran-ajaran daripada doktrin ini telah diadunkan secara berharmoni dengan falsafah dan amalan budaya tempatan. Gabungan ini telah melahirkan satu bentuk peradaban yang unik di negara-negara berkenaan. Peradaban Jepun misalnya adalah hasil gabungan di antara falsafah Shintoisme, Konfusinisme, Buddhisme dan Taoisme. Ia terbentuk hasil daripada interaksi dan proses difusi di antaranya.

Kini Timur lebih bersedia untuk mempertahankan peradabannya yang masih bercirikan tradisi agung berbanding barat. Walaupun banyak perubahan berlaku, kesan daripada '*western civilizations*' namun sebahagian besar masyarakat Timur khususnya di

Asia masih berpegang kepada akar umbi tradisi. Pandangan mereka terhadap konsep peradaban masih dipandu oleh semangat agama, budaya tradisi serta sejarah silam mereka.

2.4 Teori Perkembangan Peradaban

Sebagai suatu konsep yang universal dan telah dikaji sejak sekian lama, beberapa orang sarjana tersohor telah mengemukakan teori yang khusus berkaitan dengan perkembangan peradaban sesuatu bangsa. Di antaranya yang amat terkemuka ialah Abu Zaid Abd. Ar-Rahman Ibnu Muhammad Ibnu Muhammad Ibnu Khaldun atau lebih dikenali sebagai Ibnu Khaldun (1332-1406). Ibnu Khaldun dikatakan tokoh terulung yang pertama membuat kajian secara saintifik dan mengemukakan teori mengenai perkembangan tamadun atau peradaban sebuah bangsa.¹²

Idea-idea utama dan penting Ibnu Khaldun ini terkandung dalam karya besarnya, kitab al-Ibar khususnya bab satu mengenai pengenalan kepada ilmu sejarah atau lebih dikenali sebagai *Muqaddimah*. Bagi Khaldun, tamadun atau peradaban adalah perbandingan di antara kehidupan desa dengan bandar serta pembentukan dan kejatuhan sesebuah dinasti atau pemerintahan. Beliau berpendapat bahawa peradaban merupakan satu tahap perubahan masyarakat daripada peringkat berpindah randah dan mundur kepada peringkat menetap di bandar (al-Umran). Dorongan utama kepada perubahan ini ialah semangat Assabiyah di kalangan penduduk atau bangsa yang berkenaan. Ciri-ciri

¹² Ibnu Khaldun digelar Bapa Sosiologi moden terkenal sebagai sarjana berlatarbelakangkan ahli politik, duta, hakim dan pegawai tinggi kerajaan, bukunya yang terkenal – *Muqaddimah* merupakan awal karya asal al Ibar yang menganalisis secara terperinci proses jatuh bangun sebuah peradaban.

kehidupan di bandar ini menurut Ibnu Khaldun lagi dipenuhi dengan kemajuan dan membuat satu analisis yang terperinci tentang kedua-dua aspek kehidupan di desa dan bandar. Analisis yang telah dilakukan oleh Ibnu Khaldun terutamanya dilihat dari sudut sosiologi. Ibnu Khaldun berpendapat bahawa organisasi masyarakat manusia boleh dikaji secara saintifik. Pendekatannya ini telah membolehkan beliau digelar sebagai ‘Bapa sosiologi moden’.

Ibnu Khaldun juga, amat terkenal kerana memperkenalkan teori pusingan sejarah atau ‘Historical Cyclic’ yang memberi gambaran tentang proses pembangunan dan kejatuhan sesuatu dinasti atau empayar. Bagi Khaldun peradaban sebagai satu proses yang hidup dan progresif mempunyai pusingan usianya yang tersendiri. Pada peringkat awalnya, semangat Assabiyah atau “*Esprit de Corp*” iaitu satu perasaan cintakan bangsa atau kelompok akan mendorong masyarakat memilih pemimpin, mewujudkan kerajaan seterusnya memperkenalkan teknologi, kesenian, ilmu pengetahuan serta perdagangan. Kemajuan yang dicapai ini akan menghasilkan satu bentuk kehidupan yang mewah yang melampaui keperluan asas masyarakat. Semua ini hanya boleh berlaku apabila manusia tinggal menetap di bandar.

Walau bagaimanapun, kemajuan dan kemudahan yang dikecapi oleh masyarakat ini tidak akan kekal selama-lamanya. Pada ketika ini kemewahan telah berada di kemuncaknya, budaya biadap atau ‘*Decadent Culture*’ akan melanda masyarakat. Para pemimpin mula menjadi lalai dan cuai serta mengamalkan nepotisme. Semangat Assabiyah menjadi luntur. Budaya rasuah dan membazir menjadi-jadi. Pada peringkat ini,

tamadun atau peradaban dikatakan berada di ambang keruntuhan kecualilah para pemerintahan elit yang mula sedar dan kembali kepada pegangan agama.

Idea-idea yang mendasari teori Ibnu Khaldun dalam hal ini adalah hasil daripada pemerhatian serta analisis yang dibuat olehnya terhadap jatuh dan banggunya dinasti-dinasti bangsa Arab khususnya di Afrika Utara pada zamannya. Dalam proses kitaran sejarah sesuatu dinasti atau empayar, Khaldun berpandangan bahawa sekurang-kurangnya ia akan melalui empat fasa penting iaitu :

1. Tahap kelahiran iaitu satu peringkat di mana anggota-anggota masyarakat yang didorong oleh semangat Assabiyah akan bersatu membentuk satu kelompok masyarakat bagi memenuhi keperluan asas mereka. Pembentukan masyarakat asas ini juga turut didorong oleh sifat semulajadi manusia sebagai 'A Social Animal'.
2. Tahap kedua merupakan peringkat kehidupan menetap dengan kewujudan sistem pemerintahan yang kemudiannya disusuli dengan pertumbuhan bandar. Tahap ini akan memperlihatkan bentuk kehidupan yang maju dan mewah. Masyarakat mencapai kemajuan yang pesat dalam aspek-aspek politik, ekonomi dan sosial.
3. Tahap ketiga merupakan satu tahap yang kompleks. Kemajuan dan kemanusiaan yang telah dicapai oleh masyarakat menjadikan mereka lalai dan tidak sedarkan diri. Pemimpin dan rakyat mulai menjauhkan diri dari nilai agama dan moral.

4. Tahap seterusnya adalah merupakan tahap keruntuhan. Semangat Assabiyah yang kian luntur akan menjadikan ikatan perpaduan di kalangan pemimpin dan rakyat menjadi longgar. Budaya rasuah dan pilih kasih akan membuatkan pemimpin menjadi lemah. Pembaziran dan pemborosan akan menjadikan rakyat miskin. Seterusnya dinasti atau empayar yang berkenaan akan runtuh dan digantikan samada oleh pemimpin atau dinasti yang lain.

Ahli sejarah Inggeris yang terkenal, Arnold Toynbee (1889-1979) turut memperkatakan tentang teori perkembangan peradaban. Beliau terpengaruh dengan karya Khaldun iaitu *Muqaddimah*. Melalui salah satu karya besarnya, 'Study of History' Toynbee juga menggunakan teori kitaran dalam menjelaskan tentang proses jatuh dan banggunya peradaban.¹³

Beliau berpendapat bahawa sekumpulan kecil elit yang kreatif akan memainkan peranan membawa masyarakat mencapai satu bentuk kemajuan yang tinggi. Bagaimanapun, kemajuan ini tidak akan kekal selama-lamanya. Apabila mereka tidak lagi kreatif, mereka akan hanya berusaha untuk mempertahankan status ekonomi mereka sahaja. Akibatnya, pemerintahan akan menjadi lemah dan lama kelamaan runtuh. Toynbee juga berpendapat bahawa keruntuhan sesuatu tamadun bukanlah disebabkan oleh faktor luaran tetapi adalah kerana faktor dalaman.¹⁴ Sama seperti Khaldun, Toynbee juga percaya bahawa unsur spiritual seperti agama dapat memainkan peranan penting dalam mempertahankan survival peradaban. Nilai-nilai agama yang baik akan dapat

¹³ Richard Storry. *Sejarah Jepun Modern*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980, hlm.5.

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 20.

menghindarkan amalan budaya biadap daripada berleluasa dalam masyarakat. Pandangan-pandangan yang telah dinyatakan oleh Toynbee ternyata mempunyai beberapa persamaan dengan idea Ibnu Khaldun.¹⁵

KRONOLOGI SEJARAH JEPUN

Era	Tahun
Zaman Jomon	800-399 S.M
Zaman Yayoi	300 S.M-300 T.M
Zaman Yamato	300-593
Zaman Asuka	593-710
Zaman Nara	710-784
Zaman Heian	784-1185
Zaman Kamakura	1185-1338
Zaman Ashikaga	1338-1573
Zaman Sengoku Jidai	1460-1573
Zaman Momoyama	1573-1603
Zaman Edo (Tokugawa)	1603-1867
Era Meiji (Zaman Moden)	1868-1912
Era Taisho	1912-1926
Era Showa	1926-1989
Era Heisei	1989-Kini

Rajah 1.1 Kronologi sejarah Jepun.

Sumber: Azhar Hj. Mad Aros, et. al., *Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS): Kertas 2*, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd, Shah Alam, 2001, hlm. 291.

Perkembangan Peradaban Jepun berlaku secara berperingkat-peringkat mengikut perkembangan sejarahnya. Kemajuan yang dicapai oleh peradaban Jepun adalah dalam aspek-aspek politik, ekonomi, sosial dan budaya adalah juga mengikut kronologi sejarah

¹⁵ Ibid., hlm. 21

seperti yang telah disebutkan bermula dari zaman Jomon, Yayoi, Makam sehinggalah ke zaman moden.

Di peringkat awal, kemajuan yang dicapai oleh bangsa Jepun dalam aktiviti ekonomi terutamanya pertanian adalah hasil daripada pengaruh tamadun China. Pengaruh daripada tamadun China semakin berkembang pesat di sekitar abad ke-6, 7 dan 8. Pada masa ini, China berada di bawah pemerintahan Dinasti Tang, sebuah kerajaan yang stabil, kuat, kaya dan memiliki kepakaran teknologi yang amat tinggi. Mereka telah berjaya mencapai satu tahap peradaban yang tinggi. Pengaruh daripada peradaban China menjadi semakin penting apabila agama Buddha mulai masuk ke Jepun pada abad ke-6 melalui Korea Selatan. Dalam beberapa abad berikutnya, agama Buddha, telah menjadi alat yang penting dalam membawa kebudayaan China ke Jepun. Buddha walaupun merupakan agama yang berasal daripada India tetapi secara beransur-ansur telah berkembang ke China. Apabila Buddha telah mendapat tempat di Jepun, ramai daripada penganut-penganut ajaran ini di sana telah berkunjung ke China bagi mempelajari ajaran Buddha secara lebih mendalam.¹⁶ Mereka ini merupakan golongan perintis yang mula membawa pulang ke Jepun idea-idea dan institusi dari China.

Pada peringkat awalnya, agak sukar juga untuk Buddha berkembang di Jepun kerana ia dianggap bertentangan dengan Shinto. Bagaimanapun, keadaan telah berubah apabila Putera Shotoku telah memeluk agama Buddha dan memberi sokongan kuat kepada perkembangannya.

¹⁶ Ibid., hlm 24.

Penyebaran meluas agama Buddha di Jepun telah membawa bersamanya idea-idea baru yang akhirnya telah mempengaruhi peradaban Jepun. Di antara pembaharuan penting yang dipelopori oleh Shotoku ialah pengenalan Artikel 17 yang diambil daripada falsafah Buddha dan Confucius untuk diserapkan di Jepun. Kesan utama daripada pelaksanaan Artikel ini ialah Jepun telah berubah daripada pemerintahan yang berasaskan kepada sistem berpuak-puak (Uji) kepada sistem berpusat. Pelajar-pelajar Jepun yang belajar di China juga telah membawa banyak idea-idea reformasi di dalam bidang politik dan ekonomi untuk dilaksanakan di Jepun. Antaranya ialah pembaharuan Taika yang banyak menyentuh soal reformasi tanah dan peradaban kerajaan pusat dan tempatan. Idea-idea yang diterima daripada China ini jelas menunjukkan bahawa Jepun banyak mempelajari dan membina peradaban bangsanya dengan mengutip pengalaman China yang sememangnya telah mewarisi satu peradaban gemilang sejak dahulu.¹⁷

“ The Japanese thought and culture tradition is probably the most enigmatic and paradoxical of all major traditions but partly for that very reason, it present more intellectual and culture challenges, more unique and interesting suggestion, and more provocative reactions than any of the other great traditions of the Asia ”.

Kajian-kajian tentang kepercayaan, pemikiran, agama dan budaya masyarakat Jepun sering menggambarkan satu penemuan yang bersifat unik dan paradoks. Uniknyanya adalah kerana sebarang yang bersangkutan dengan Jepun adalah bersifat eksklusif dan etnosentrisme. Cara Jepun amat jauh berbeza dengan jiran-jirannya di benua yang sama. Kepercayaan, agama dan budayanya lebih khusus hanya untuk masyarakatnya sahaja. Kepercayaan purba masyarakat Jepun misalnya tentang asal-usul maharajanya yang dikatakan berasal dari Dewa Kayangan adalah khusus untuk masyarakatnya sahaja. Ia tidak dapat diterima sebagai kepercayaan yang bersifat universal. Kepercayaan ini yang telah berhadap pembentukan pemikiran, sikap, falsafah dan sifat-sifat orang Jepun.

¹⁷ Ibid., hlm 22.

Akar umbi kepercayaan masyarakat Jepun adalah animisme dan metos.¹⁸ Sesuatu yang banyak menyumbang kepada kukuhnya kepercayaan terhadap kedua-dua unsur animisme dan metos ini ialah kedudukan geografi Jepun yang agak terpisah dan berbentuk kepulauan. Jepun adalah negara kepulauan dan bergunung-ganang yang sering terdedah dengan berbagai fenomena alam. Berhadapan dengan kejadian ribut dan taufan di laut misalnya, ia berkaitan dengan peranan Dewa Ribut (*Susano-o*) yang marah. Unsur-unsur alam lain seperti gunung, sungai, pokok, kilat dan petir malahan batu-batu juga dikatakan mempunyai sifat '*Kami*' iaitu memiliki kuasa yang tinggi. Bagi melahirkan pandangan mereka unsur-unsur alam ini mempunyai kaitan dengan kuasa yang tinggi, mereka telah memberikan watak antropomorfik terhadap unsur-unsur tersebut. Matahari misalnya akan menjadi Tuhan Matahari, Bulan menjadi Tuhan Bulan dan gunung Fuji atau Fujiyama menjadi gunung tuhan. Kepercayaan mereka terhadap kuasa yang dimiliki oleh unsur-unsur semulajadi alam ini telah menjadikan masyarakat Jepun amat menghormati serta menghargai alam semulajadi. Ini tergambar dalam sikap mereka yang amat meminati seni taman serta hiasan yang bersumberkan suasana alam semulajadi.

Agama bagi orang-orang Jepun juga agak unik dan ia tidak boleh disamakan dengan konsep agama di barat atau Islam. Agama orang-orang Jepun purba (sebelum dan abad-abad permulaan T.M) adalah Shinto yang mempunyai kaitan rapat dengan kepercayaan tradisi mereka terhadap dewa-dewa dan unsur alam. Shinto bermakna 'cara Tuhan-Tuhan' (*Way of The God*) wujud lebih lama daripada konfusianisme atau Buddhisme. Berbeza daripada agama Wahyu, Shinto tidak mempunyai pengasas dan

¹⁸ Blacker Carmen, *The Japanese Enlightenment*, Cambridge, 1964, hlm. 93.

sebarang dokumen bertulis tentang ajarannya. Shinto dalam bentuknya yang asal mungkin boleh diterangkan sebagai suatu jenis pemujaan alam, pemujaan roh dan nenek moyang. Shinto lebih melaksanakan ritual tanpa memberi perhatian kepada persoalan falsafah, etika dan akhlak. Pengaruh agama Shinto lebih bersifat keindahan atau perasaan.¹⁹ Isinya yang khusus bersifat kebaikan agak kecil. Upacara-upacara penyembahan menjadi penting dalam agama ini. Di antara yang tertua dan penting ialah upacara bersuci (Purity). Pendokong-pendokong agama Shinto beranggapan bahawa upacara-upacara ini dilakukan dalam beberapa peringkat di kuil Shinto. Di antaranya ialah melalui cara 'menurun' (Exociasme) yang dilakukan oleh sami Shinto di kuil dengan menggunakan alatan dan mentera tertentu.²⁰

Secara umumnya, Shinto mempunyai pengaruh yang kuat dalam sejarah Jepun. Beribu-ribu rumah berhala Shinto telah didirikan di seluruh Jepun. Shinto tidak mengalami perubahan-perubahan yang bersifat fundamental dan penting walaupun menghadapi berbagai cabaran. Di antara cabaran penting yang dihadapi oleh Shinto ialah bagaimana ia terpaksa berhadapan dengan pengaruh Buddha, Kufusianisme atau Taoisme yang turut melebarkan sayapnya ke Jepun. Agak menarik agama Buddha dan Confucius tidak pernah dianggap menggantikan Shinto. Sesudah Buddha bertapak kukuh dan disebarkan dengan luasnya, kebanyakan orang Jepun menganut kedua-dua agama tersebut. Cuma satu perkara yang tidak dapat dinafikan berlaku ialah terdapatnya pengaruh asing dalam Shinto. Bagaimanapun pada pandangan masyarakat Jepun sendiri, pengaruh asing dalam ini menjadikan Shinto lebih mantap dan diterima dengan baik.

¹⁹ Ibid, hlm. 24.

²⁰ Ibid., hlm 25.

Selain pengaruh Buddha, pengaruh Konfusius terhadap Shinto menjadikannya lebih menekankan unsur penyembahan nenek moyang, bertingkah laku baik serta lebih pentingkan elemen kekeluargaan. Dengan perubahan masa, Shinto secara rasminya diterima sebagai agama rakyat Jepun walaupun wujud juga agama lain. Dalam konteks keunikan masyarakat Jepun, Shinto telah berupaya memainkan beberapa peranan yang penting. Pada abad-abad 19 dan 20, Shinto telah digunakan untuk membangkitkan peranan nasionalisme dan perpaduan Jepun. Dalam tahun 1930-an pula, Shinto secara rasminya diterima sebagai agama rakyat Jepun walaupun wujud juga agama lain. Dalam tahun 1930-an juga, Shinto menjadi sumber inspirasi bagi orang-orang Jepun menjadi sebuah kuasa militer. Satu ungkapan yang popular bagi menggambarkan penerimaan masyarakat Jepun terhadap pelbagai agama ini ialah, 'Orang-orang Jepun kahwin mengikut Shinto, mati mengikut Buddha'.²¹

Selain agama yang mencirikan keunikan peradaban Jepun, aspek budaya tradisinya juga memainkan peranan yang penting. Sebagai salah satu elemen penting peradaban dan budaya menjadi aspek yang utama wajar dilihat dalam menentukan tahap kemajuan yang dicapai oleh sesebuah masyarakat. Apalagi konsep budaya itu sendiri mencukupi satu dimensi yang luas. Umumnya budaya atau kebudayaan adalah merupakan keseluruhan cara hidup yang merangkumi cara bertindak, berfikir dan berkelakuan. Ia juga berupa segala hasil kegiatan dan ciptaan yang berupa kebendaan atau kerohanian masyarakat. Tradisi pula merujuk kepada sesuatu kebiasaan yang meliputi adat dan kepercayaan yang kekal turun temurun. Ia menjadi amalan yang telah sebatian dengan sesuatu masyarakat. Dalam konteks masyarakat Jepun, budaya tradisinya

²¹ Ibid., hlm. 25

meupakan satu warisan daripada sejarah yang panjang dan tersendiri. Asal-usulnya berakar umbi daripada zaman permulaan kehidupan masyarakatnya masih bersifat primitif.

Kira-kira 10,000 tahun dahulu, penduduk Jepun meninggalkan kediaman mereka dalam gua-gua dan tinggal di dalam rumah-rumah yang berbumbung kasar yang dikenali sebagai '*tateana jukyo*' (kediaman dalam lubang), disokong dengan tiang-tiang yang didirikan di atas lubang cetek yang dikorek di dalam tanah. Masyarakat primitif ini hidup dengan memburu dan menangkap ikan atau diistilahkan sebagai 'ekonomi mengumpul makanan'. Zaman ini yang dikenali sebagai tembikar Jomon. Pengenalan alatan tanah liat pada zaman ini adalah sebagai titik permulaan kepada perkembangan budaya masyarakat mereka. Pada satu masa di antara abad ketiga dan kedua sebelum masihi, satu bentuk kebudayaan yang berasal daripada negeri China telah sampai ke Jepun. Ia berupa seni pertanian serta penggunaan peralatan logam. Pengaruhnya telah meresap kes segenap pelusuk negeri Jepun. Seni pertanian yang kepada tanaman padi menggunakan sawah di lereng bukit telah membawa kepada peningkatan kualiti kehidupan rakyat yang akhirnya membawa mereka kepada hidup berkomunikasi. Zaman bermulanya pengaruh China ini telah dikenali sebagai Zaman Yayoi. Zaman ini mula menyaksikan wujudnya satu struktur kelas apabila timbulnya golongan kaya dan miskin akibat berubahnya aktiviti ekonomi.

Zaman Yayoi seterusnya diikuti oleh Zaman Makam atau Kofun. Kofun bererti 'timbunan tanah kubur' Tanah-tanah kubur ini mempunyai asal-usulnya dalam tempoh di

antara abad ke empat dan ke enam T.M. Kofun ini berbentuk empat segi bujur di hadapan dan bulat di belakang.(berbentuk lubang kunci). Kubur-kubur ini dikhususkan untuk kelas elit pemerintah. Kewujudannya menunjukkan bahawa menjelang abad ketiga dan ke empat T.M, negara Imperial Yamato yang muncul di daerah Kinki telah mempunyai satu struktur negara besar. Penemuan-penemuan arkeologi yang dibuat terhadap kofun ini dengan jelas dapat menunjukkan peringkat perkembangan kebudayaan masyarakat mereka. Mengiringi mayat-mayat di dalam kubur ini biasanya ialah cermin, pedang, baju besi, peralatan dan perhiasan peribadi seperti subang, gelang tangan, mahkota dan kasut. Sering juga ditemui ialah '*haniwa*' atau patung kecil yang menjadi objek penyembahan. Penemuan haniwa ini jelas menggambarkan tahap beragama masyarakat mereka pada ketika itu.

Agama Shinto memainkan peranan yang agak besar dalam mencorakkan budaya tradisi masyarakat Jepun. Walaupun pada peringkat permulaannya, ia lebih berupa satu bentuk kepercayaan metos dan animisme namun lama kelamaan ia diterima sebagai agama masyarakat Jepun. Asas Shintoisme ialah kepercayaan terhadap dewa-dewa dan peranan yang dimainkannya dalam kehidupan manusia. Dewa atau tuahn Shinto disebut '*Kami*' yang bererti 'kuasa yang tinggi'. Ketaatan masyarakat Jepun terhadap dewa ini tidak perlu dipersoalkan lagi malahan ia menjadi keutamaan dalam kehidupan mereka.²² Oleh yang demikian, maharaja yang dianggap sebagai pengagungan terhadap dewa ini banyak mempengaruhi cara berfikir, perlakuan, adat-istiadat, upacara tradisi mahupun kreativiti masyarakat Jepun. Misalnya budaya mempertahankan maruah maharaja telah menjadikan rakyat Jepun amat berani dan sanggup berkorban apa sahaja dalam bertindak

²² Ibid., hlm. 32

bagi maksud tersebut. Shinto dikatakan tidak mempunyai pengasas dan sebarang doktrin bertulis tetapi idea-idea ketuhanannya (agama) telah tersebar dengan amat berkesan di kalangan masyarakat Jepun. Mungkin juga kerana perkembangannya telah dibantu oleh faktor-faktor lain seperti keadaan masyarakat Jepun agak terpencil dan '*Nature Oriented*'.²³

Budaya tradisi Jepun terus mengalami beberapa tahap perkembangan dan perubahan. Perkembangan yang berlaku dari Zaman Jomon sehingga zaman makam telah menyaksikan penampilan beberapa bentuk budaya yang meliputi aspek ekonomi, politik, teknologi dan seni. Perkembangan-perkembangan ini dapat dikatakan berlaku pada tahap awal sejarah Jepun. Selepas daripada tempoh ini, beberapa perkembangan lain pula berlaku yang telah memberi kesan yang penting terhadap budaya tradisi Jepun terutamanya dalam aspek ciri-ciri serta dimanismenya. Pada abad keenam agama Buddha telah masuk ke Jepun melalui Raja Paekche dari Korea. Walaupun pada peringkat awalnya, Buddha menghadapi tentangan untuk berkembang di Jepun, tetapi lama kelamaan ia telah diterima dengan baik. Bersama-sama dengan Shinto, ia telah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi seterusnya membentuk budaya tradisi Jepun.

*'In the early centry Buddhism in Japan entered a new era in which it catered mainly to the court nobility. In the Kamakura period (1192-1338), an age of great political unrest and social confucion, there emerge many new sects of Buddhism offering hope of salvation to warriors and peasannts a like. Buddha is not only flourished as a religion but also did much to enrich the country's arts and learning'.*²⁴

²³ Ibid, hlm.. 33

²⁴ Ibid, hlm. 35

Selepas Shinto dan Buddhisme, agama lain seperti Konfucianisme dan Taoisme juga didapati turut mempengaruhi pembentukan budaya tradisi Jepun. Ajaran-ajaran Konfucianisme terutamanya yang dibawa masuk oleh orang-orang Jepun yang berkunjung ke China banyak memberi penekanan terhadap persoalan kerohanian., hubungan manusia dengan alam dan sesama anggota masyarakat. Aspek kerohanian ini amat bertepatan dengan falsafah Shinto yang menganggap bahawa setiap unsur alam ini mempunyai 'semangat Tuhan'.²⁵ Hasil daripada pemahaman ini telah menjadikan masyarakat Jepun amat menghargai alam sekitar yang dijelmakan oleh suasana kehidupan seharian mereka serta hasil-hasil semi yang dilahirkan. Budaya tradisi dalam hubungan kekeluargaan juga banyak dipengaruhi oleh ajaran Konfucian. Hirarki dalam struktur keluarga yang meletakkan bapa, ibu dan anak lelaki yang sulung sebagai pemimpin keluarga adalah hasil daripada pengaruh ajaran tersebut. Pengaruh dari China ini juga telah menyebabkan masyarakat Jepun lebih beradab dan beretika dalam hubungan sosial.²⁶ Malahan budaya setia terhadap maharaja dan keluarga telah berjaya dipupuk menjadi suatu sumber penting yang menyumbang kepada keutuhan masyarakat mereka.

Amalan-amalan bercorak tradisi yang diamalkan oleh masyarakat Jepun sebahagiannya adalah dicorakkan oleh perkembangan sejarah serta anutan agama mereka. Selain itu tidak dinafikan juga ia turut dipengaruhi oleh budaya luar seperti dari China dan Korea. Di samping itu, satu lagi faktor yang penting yang mempengaruhi pembentukan budaya tradisi mereka adalah kedudukan geografi serta latar belakang

²⁵ Ibid, hlm. 36.

²⁶ Ibid., hlm. 40

masyarakat yang wujud. Sepertimana yang sedia difahami, Jepun adalah negara kepulauan yang bergunung-ganang dan mempunyai tanah pamah yang terhad. Masyarakat awalnya yang aktiviti ekonomiknya bergantung kepada pertanian, hidup dalam komuniti berkelompok yang amat pentingkan budaya kolektiviti. Budaya yang disebut 'budaya ketanahan' wujud dalam masyarakat mereka. Dalam konteks masyarakat petani yang terlibat dengan tanaman padi, budaya ini bererti bermuafakat membuat keputusan atau lebih mengutamakan semangat berpasukan daripada kepentingan individu. Sikap begini terbentuk hasil daripada corak kehidupan mereka yang dari segi geografinya terpisah daripada masyarakat lain. Mereka terpaksa bergantung di antara satu sama lain bagi menghadapi pelbagai masalah dalam kehidupan seharian sama ada dalam bentuk bencana alam, ancaman musuh atau menjalankan tugas.

Selain isolasi dari segi geografi yang dialaminya, Jepun turut terpencil dalam hubungan luarnya sehinggalah pada zaman pemulihan Meiji. Pemencilan ini telah mendorong pembentukan satu masyarakat dan budaya yang berbeza jika hendak dibandingkan dengan bangsa yang lain. Memetik pandangan Edwin O Reschauer, beliau mengatakan,

“Although geographic isolation has made them conscious of learning from abroad, it has also allowed them to develop one of the most distinctive cultures to be found in any civilized area of comparable size. Take for example, things of a basic as their traditional clothing, their cuisine or their domestic architecture and the manner in which they live at home. The thick straw floor mats, the sliding paper panels in place of interior walls, airy structure of the whole house, the recess for art objects, the charcoal heating braziers, the peculiar wooden or iron bathtubs, and the place of bathing in daily life as a means of relaxation at the ends of the days all these and many other simple but fundamental feature of home and daily life are unique to Japan and attest to a unique culture rather than one of simple imitation”.

Seperti yang dinyatakan, budaya tradisi Jepun mempunyai ciri dan bentuknya yang tersendiri. Walaupun perubahan masa tidak dapat mengelakkannya daripada bertembung dengan unsur-unsur kebudayaan asing namun begitu pertembungan ini dapat berjalan dalam suasana harmoni. Budaya asing yang diimport telah diserap dan diadun dengan baik dengan budaya Jepun. Mereka bukannya menolak terus budaya asing tetapi sebaliknya telah memilih untuk menerapkannya ke dalam rangka estetikanya sendiri dan kerapkalinya dapat menyesuaikan secara kolektif untuk keperluan masyarakat Jepun. Unsur-unsur tradisi dalam budaya Jepun yang meliputi aspek-aspek bahasa, seni, upacara-upacara keagamaan, corak hiasan dan senibina malahan nilai-nilai sosial yang diamalkan dengan jelas mempunyai ciri-ciri yang khusus. Ciri-ciri ini memainkan peranannya yang tersendiri dalam masyarakat Jepun pada zaman moden.

2.5 NILAI-NILAI PERADABAN DALAM KONTEKS JEPUN

Dalam memperkenalkan tentang peradaban Jepun, adalah menarik jika pandangan seorang Sarjana, Fukuzawa Yukichi diberi perhatian. Idea beliau tentang peradaban jelas terkandung dalam kenyataan berikut :

'In the narrow sense civilization merely means the increase of what man consumes and of the superficial trappings added to daily necessities. In a broader sense civilization means not only comfort in daily necessities but also the refining of knowledge and the cultivation of virtue so as to elevate human life to a higher plane'.²⁷

Fukuzawa juga melihat peradaban sebagai satu proses kemajuan daripada primitif kepada semi-pembangunan seterusnya kepada peradaban. Apabila sesuatu bangsa itu

²⁷ Eiichi Kiyooko (translator), *The Autobiography of Fukuzawa Yukichi*, Tokyo, 1960. Fukuzawa lahir pada 10 Januari 1835 dan meninggal dunia pada Januari 1901. Beliau merupakan seorang sarjana dan tokoh yang terkenal.

telah mencapai peradaban, mereka akan dapat maju daripada satu tahap pembangunan kepada satu tahap yang lebih tinggi.²⁸ Beliau juga berpendapat bahawa peradaban juga tidak bermakna pencapaian berbentuk material semata-mata malahan turut melibatkan kemajuan intelektual.²⁹

Sifat-sifat baik moral merujuk kepada kualiti dalaman yang wujud dalam diri manusia. Dalam konteks moral masyarakat Jepun. Fukuzawa menyatakan,

'In fact, Japanese morality has been greatly influenced by the teachings of Shintoism, Konfucianism and Buddhism. And the principles and beliefs upheld by each of these three are not at all bad. Not only these three, but also Christianity, Islam and the teachings of Lao-tsu and Chuan-tzu and the like of all these ethical philosophies or religions are good. Their aims are to promote that which is good and to admolish against that which is evil. There is nothing wrong in this. In fact, their moral precepts are wonderful and everyone should have respect for them'.³⁰

Fukuzawa mengakui bahawa prinsip-prinsip moral masyarakat Jepun banyak dipengaruhi oleh agama tertentu seperti Shinto, Buddha dan Konfucianisme. Walaupun beliau adalah daripada aliran rasionalis yang kritikal pada zaman 'pencerahan' di Jepun namun ia juga bersetuju bahawa agama Buddha dan Konfucianisme telah membawa Jepun keluar daripada masyarakat barbarian. Fukuzawa berkata,

'Both Konfucianisme and Buddhism have contributed in their respective spheres to the making of Japanese Cilization'.³¹

Pandangan-pandangan Fukuzawa tentang konsep asas peradaban tidak banyak bezanya jika dibandingkan dengan para sarjana lain samada dari barat atau timur. Ia masih dikaitkan dengan pencapaian kemajuan material dan spiritual masyarakat pada

²⁸ Ibid., hlm. 205

²⁹ Tsuda Sokichi. *Preface to An Outline of Civilization*, Tokyo, 1973, hlm.61

³⁰ Ibid, hlm. 32.

³¹ Eiichi Kiyooko (translator). *The Autobiography of Fukuzawa Yukichi*, Tokyo, 1960. hlm. 41.

sesuatu masa. Sarjana Jepun ini menambah lagi bahawa, tidak terdapat kontradiksi di antara sifat semulajadi manusia dengan peradaban moden. Peradaban adalah bersesuaian dengan naluri semulajadi manusia. Beliau juga membezakan di antara bentuk luaran dan semangat dalaman peradaban. Elemen-elemen luaran itu termasuklah yang berbentuk makanan, pakaian, undang-undang, bentuk kediaman dan cara pemerintahan yang dijalankan. Semangat dalaman peradaban pula dikatakan 'unsur-unsur spiritual' masyarakatnya. Ia merupakan sesuatu warisan bagi sesuatu bangsa.

Dalam konteks masyarakat Jepun pula yang dikatakan unik kerana tradisi budaya dan falsafah moral mereka, Fukuzawa membahagikan sifat baik kepada dua iaitu sifat individu dan sifat baik masyarakat. Sifat baik individu dilambangkan oleh ciri-ciri seperti kesopanan, jujur dan ikhlas, setia serta bersih hati. Sifat-sifat ini terbit daripada dalam diri setiap individu. Sifat baik masyarakat pula terdiri daripada adil, teguh, merasa malu atau hina apabila melakukan kesalahan serta berterus terang dan tidak berdalih.

Selain melihat peranan agama dalam peradaban Jepun, Fukuzawa juga menekankan soal peranan golongan elit pemerintahan yang terdiri daripada shogun, daimyo dan samurai. Mereka dikatakan telah memainkan peranan penting dalam perkembangan peradaban Jepun selama hampir 700 tahun sejak zaman Kamakura (1185-1333 M). Mereka telah menyumbangkan kemajuan dalam bentuk seni dan seni bina, pentadbiran kerajaan dan tentera di samping sistem kewangan. Fukuzawa Yukichi mendakwa bahawa golongan elit pemerintah ini telah meletakkan asas untuk peradaban

Jepun Moden.³² Contoh yang jelas tentang peranan golongan elit ini ialah dalam soal budaya seperti upacara minum teh atau '*Cha-No-Yu*' dan drama *Kabuki* dan *Noh*. Dalam kedua-dua acara penting budaya ini, golongan shogun dan samurai didapati memainkan peranan penting. *Cha-No-Yu* menjadi satu acara budaya tradisi yang penting hasil daripada pengaruh Mazhab Zen agama Buddha. *Kabuki* dan *Noh* juga sebelum tersebar secara meluas sebagai salah satu seni tradisi rakyat terlebih dahulu menjadi sumber hiburan yang utama bagi golongan shogun dan samurai.

Pandangan Fukuzawa tentang matlamat peradaban juga agak menarik. Ia mengaitkan matlamatnya menjadi penting dari segi mencapai hasrat manusia. Pada masa yang sama, Fukuzawa juga menarik perhatian bahawa peradaban adalah satu medium ukuran yang akan menentukan sesuatu yang baik atau buruk, betul dan salah bagi masyarakat berkenaan. Matlamat peradaban Jepun sendiri banyak berkaitan dengan cita-cita kehidupan masyarakatnya iaitu maju mengikut falsafah barat tetapi mengekalkan nilai-nilai dan ciri tradisi. Jepun yang berasaskan kepercayaan serta agama mereka. Matlamat ini ternyata telah menjadi panduan dan landasan penting kepada perkembangan peradaban Jepun moden. Dalam konteks peradabannya masa kini pandangan semesta masyarakat mereka tentang nilai yang betul atau salah adalah berdasarkan kepada pengalaman peradaban masa silam yang telah ditempuhi. Inilah di antara faktor yang menjadikan masyarakat Jepun sukar terikut-ikut dengan cara dan pendekatan bangsa lain dalam melihat sesuatu perkara.

³² Ibid, hlm. 4.

Fukuzawa tidaklah dapat dibandingkan dengan lain-lain sarjana yang turut membincangkan persoalan peradaban seperti Ibnu Khaldun, Oswald Spengler atau Arnold Toynbee. Ini adalah kerana pendekatan mereka agak berbeza. Ibnu Khaldun atau Toynbee lebih menumpukan perhatian mereka kepada teori perkembangan dan keruntuhan peradaban dengan membuat analisis terhadap faktor-faktor yang membantu pembentukan dan keruntuhan peradaban. Mereka juga melihat elemen-elemen yang wujud sebagai pra syarat kepada pembinaan peradaban. Idea-idea Fukuzawa pula lebih menjurus kepada pandangannya terhadap peradaban Jepun. Bagaimanapun Fukuzawa Yukichi sewajarnya dihargai kerana beliau merupakan sarjana Jepun dan Asia yang pertama menulis sejarah Jepun secara sistematik namun sesetengah sarjana menyifatkannya sebagai '*Bummeishi Historian*' atau 'sejarawan peradaban' berdasarkan idea serta karya beliau. Pandangan-pandangan beliau dapat membantu masyarakat luar terutamanya untuk memahami perkembangan peradaban Jepun secara lebih jelas.